

**KESESUAIAN PENGGUNAAN MODUL PANDUAN PENGAJARAN DUNIA
MUZIK OLEH GURU BUKAN OPSYEN DALAM PROSES PENGAJARAN
REKODER TAHUN 3**

ZURIA SHAHNAZ BIN SIRAJUDDIN

**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2016**

ABSTRAK

Penggunaan rekoder dalam aktiviti pembelajaran Dunia Muzik di bilik darjah adalah bertujuan untuk memberi pengalaman muzikal secara *hands-on*. Menurut Bahagian Perkembangan Pembangunan Kurikulum (BPPK), Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), selain memberi pengalaman muzikal, pembelajaran rekoder juga dapat mengukuhkan kefahaman bahasa muzik melalui pengalaman praktikal. Sejak Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan pada tahun 2012, pembelajaran rekoder dalam subjek Dunia Muzik terus diberi keutamaan dan diperkasakan iaitu pembelajaran rekoder bermula pada Tahun 3 yang bermula pada tahun 2013. Pihak BPPK juga turut menyediakan Modul Panduan Pengajaran untuk kegunaan guru supaya dapat membantu dalam melaksanakan proses pengajaran dengan lebih efisyen dan berkesan. Dalam pada itu, pada masa kini penempatan guru opsyen muzik di sekolah rendah masih tidak mencukupi. Kekurangan ini menyebabkan guru bukan opsyen terpaksa mengajar mata pelajaran Dunia Muzik. Ini menjadi masalah terhadap keberkesanannya proses pengajaran muzik khasnya kerana guru bukan opsyen tidak mempunyai kemahiran muzikal dari segi teori dan praktikal. Lantaran itu, suatu kajian terhadap kesesuaian penggunaan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 3 di bawah unit pembelajaran rekoder oleh guru bukan opsyen di sekolah rendah telah dilaksanakan. Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di dalam Daerah Kuala Kangsar, Perak. Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui kesesuaian penggunaan modul panduan pengajaran yang disediakan untuk guru bukan opsyen. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual berstruktur untuk mendapatkan data kajian. Pengkaji telah memilih dua orang responden iaitu guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Dunia Muzik Tahun 3. Hasil kajian menunjukkan modul yang disediakan oleh BPPK ini adalah sesuai untuk digunakan oleh guru bukan opsyen dalam membantu mereka merancang objektif dan aktiviti pelajaran semasa sesi pengajaran Dunia Muzik Tahun 3 di bawah unit pembelajaran rekoder. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa terdapat beberapa elemen yang perlu ditambahbaik seperti menyediakan koleksi lagu-lagu rakyat dalam permainan rekoder, menyediakan modul panduan belajar rekoder untuk murid dan menyediakan set latih tubi untuk kemahiran dalam permainan rekoder.



ABSTRACT

Recorder learning in teaching Music will help to provide hands-on musical experience to students. According to the Curriculum Development Centre, Ministry of Education, apart of giving musical experience : using recorder in classroom will help pupils to understand musical language through practical learning. Since the introduction of Primary School Standard Curriculum (KSSR) in 2012, recorder learning in World Music remains a priority and it got further emphasized in Year 3 which was started in 2013. Curriculum Development Centre has provided Teacher's Guide to aid teachers in implementing efficient teaching and learning process at schools. In the mean time, the insufficiency of adequate Music teachers at schools are prevalent. This situation forces many non optionist teachers to be Music Teachers at schools. This circumstances leads to inefficient teaching of music because non optionist teachers do not posses the musical skills both in theories and practicalities. Therefore, a research on the suitabilities of teacher's guide module in helping non optionist teachers to teach recorder in classroom is conducted. This research has been conducted at a primary school in Kuala Kangsar, Perak. Its main purpose is to discover the appropriateness of the module which has been made to help non optionist teachers. This research uses qualitative method. The researcher used structural interview method to retrieve the data. The researcher chose two respondents in completing this research. Both respondents are non optionist teachers who are teaching Year 3 Music at their schools. Based on the data retrieved, the module is found to be suitable in assisting teachers to teach Music under Recorder learning unit. However, the researcher believes there are some elements that need to be improved such as providing a collection of folk songs, learning recorder guidelines for pupils and drilling skills module to assist pupils strengthen their recorder learning skill.

KANDUNGAN

MukaSurat

PERAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
ABSTRACT.....	v
KANDUNGAN.....	vi
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI SINGKATAN.....	xi
RUJUKAN.....	41
LAMPIRAN.....	45

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan.....	1
1.1	Latar Belakang Kajian.....	1
1.2	Permasalahan Kajian.....	10
1.3	Tujuan Kajian.....	10
1.4	Objektif Kajian.....	10
1.5	Persoalan Kajian.....	11
1.6	Kepentingan Kajian.....	11

05-4506832		pustakaopsyen.com.my		Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah		PustakaTBainun		ptbupj
1.7	Batasan Kajian.....	12						
1.8	Terminologi.....	12						
1.8.1	Irama.....	12						
1.8.2	Melodi.....	12						
1.8.3	Pic.....	13						
1.8.4	Dinamik.....	13						
1.8.5	Tekstur.....	13						
1.8.6	Modul.....	13						
1.8.7	Guru bukan opsyen.....	13						
1.8.8	Proses pengajaran.....	13						
1.9	Kesimpulan.....	13						

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	
	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	
	PustakaTBainun	
	ptbupsi	
2.0	Pendahuluan.....	15
2.1	Pengenalan.....	15
2.2	Perbincangan.....	16
2.3	Kaedah Pengajaran.....	19
2.4	Proses Pengajaran.....	21
2.4.1	Pengertian Pengajaran.....	21
2.4.2	Teori Pengajaran.....	21
2.5	Kesimpulan.....	23

BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pengenalan.....	24
3.1	Reka bentuk Kajian.....	24
3.2	Kerangka Proseder Kajian.....	25



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

3.3	Pemilihan Responden.....	25
3.4	Kaedah Mendapatkan Data.....	26
3.5	Cara Menganalisis Data.....	27
3.6	Kesimpulan.....	28

BAB 4 ANALISA DAPATAN

4.0	Pengenalan.....	29
4.1	Analisis data.....	29
4.2	Perbincangan.....	36
4.3	Kesimpulan.....	37

BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.0	Pengenalan.....	38
5.1	Rumusan.....	38
5.2	Cadangan.....	39
5.2.1	Cadangan kajian lanjutan.....	39
5.3	Kesimpulan.....	40



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

Jadual3.2.1 Kerangka proseder kajian.....25

SENARAI RAJAH

Foto 1	Muka hadapan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik KSSR
	Tahun 3.....6
Foto 2	Terbitan dan tahun terbitan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik
	Muzik Tahun 3.....7
Foto 3	Perincian di dalam unit pembelajaran.....8
Foto 4	Reka bentuk dan susunan item perancangan pengajaran.....9
Foto 5	Sesi temu bual bersama-sama Responden 1.....35
Foto 6	Sesi temu bual bersama-sama Responden 2.....35

SENARAI SINGKATAN

KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
BPPK	Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Kurikulum
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab 1 akan membincangkan dan menghuraikan tentang beberapa perkara utama dalam kajian ini iaitu latar belakang masalah, permasalahan, objektif, persoalan, kepentingan dan batasan kajian.

Pendidikan Muzik merupakan mata pelajaran wajib di peringkat sekolah rendah. Mata pelajaran ini memberi pengetahuan kepada murid tentang unsur-unsur muzik, pelbagai genre muzik dan alat muzik. Pendidikan Muzik juga akan mendedahkan murid kepada pengalaman muzik yang mudah. Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) merangkumi aspek bahasa muzik, pengalaman muzikal, ekspresi kreatif dan penghargaan estetik (Huraian Sukatan Pelajaran, 2002: v).

Pada Tahun 1979, Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran telah mengambil keputusan untuk menjadikan Pendidikan Muzik sebagai satu mata pelajaran wajib yang menekankan kepada pembentukan kemahiran

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi diajar di sekolah dan rekoder merupakan alat muzik yang difikirkan sesuai diperkenalkan di sekolah rendah di seluruh negara. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membekalkan alat muzik rekoder di semua sekolah rendah di seluruh negara sejak tahun 1983. Matlamat utama kurikulum muzik ini digubal ialah untuk memperkembangkan potensi dan kualiti individu dari segi nilai estetika muzik dan etika melalui pengalaman muzik.

Transformasi kurikulum kebangsaan bertitik tolak daripada keputusan Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.6/2008 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada 23 Mei 2008. Transformasi kurikulum sekolah rendah merupakan proses penyusunan semula dan penambahbaikan kurikulum persekolahan rendah yang sedia ada. Tujuannya adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke 21.

Lantaran itu, subjek Pendidikan Muzik juga turut mengalami proses transformasi kurikulum di peringkat sekolah rendah. Mata pelajaran ini telah diberi penjenamaan yang baharu dengan nama Dunia Muzik. Justeru itu, semua sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah dibekalkan dengan Modul Panduan Pengajaran DuniaMuzik untuk Tahap 1 iaitu tahun satu, dua dan tiga. Modul yang dibangunkan ini merupakan bahan sumber atau rujukan kepada guru untuk mencetuskan idea agar melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Dunia Muzik dengan lebih kreatif. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) memberi fokus kepada kemahiran penaakulan, kreativiti dan inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta elemen keusahawanan selain kemahiran

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptupsi

yang sedia ada. Objektif Dunia Muzik KSSR boleh dirumuskan kepada beberapa bahagian iaitu (Huraian Sukatan Pelajaran, 20: vi):

1. Mengetahui dan memahami konsep unsur-unsur asas muzik dan terminologi muzik.
2. Mengetahui dan memahami konvensi penulisan muzik.
3. Membaca dan menulis notasi muzik.
4. Mengetahui dan memahami teknik menyanyi.
5. Memperkembangkan kemahiran menyanyi dengan amalan teknik yang betul.
6. Mengetahui dan memahami teknik bermain alat muzik.

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptupsi

7. Memperkembangkan kemahiran bermain alat muzik dengan teknik yang betul.

8. Memperkembangkan ekspresi diri dan daya kreatif.
9. Memperkembangkan daya penghargaan estetik terhadap karya dan persembahan muzik.
10. Menghargai pelbagai jenis muzik serta budaya yang terdapat di Malaysia.
11. Mengamalkan nilai kerjasama dalam pasukan, sikap positif dan ingin mencuba.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
 Oleh yang demikian, kandungan sukatan pelajaran Pendidikan Muzik KSSR secara amnya disusun berdasarkan aspek-aspek berikut (Huraian Sukatan Pelajaran, 2014: iv):

1. Persepsi Estetik.
2. Pengalaman Muzikal.
3. Ekspresi Kreatif.
4. Penghargaan Estetik.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
 Setiap aspek yang dibina oleh Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Kurikulum (BPPK) mengandungi faktor-faktor yang lebih spesifik sebagai tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Susunan keempat-empat aspek tersebut bukanlah suatu hierarki yang tetap. Susunan sedemikian adalah semata-mata bagi kemudahan mengorganisasikan kandungan sukatan pelajaran. Dalam bidang permainan alat muzik pula, terdapat banyak latihan tentang asas bermain rekoder yang diajar untuk kanak-kanak di peringkat sekolah rendah. Ianya dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti latihan berunsur pengetahuan, penghayatan dan kemahiran bermain alat.

 4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi
 Bagi kurikulum Dunia Muzik Tahun 3 khasnya pula, kurikulum ini digubal dengan memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan kemahiran murid dalam bidang muzik. Murid diberi peluang untuk meiuahkan idea muzikal kreatif di samping meningkatkan apresiasi terhadap estetika muzik. Bagi mencapai tujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbpsi
 tersebut, kurikulum ini dibina dengan memberi tumpuan kepada tiga modul
 kurikulum iaitu (Dokumen Standard Kurikulum Sekolah Rendah, Modul Teras
 Tema Dunia Muzik Tahun 3, 2012) :

1. Modul Pengalaman Muzikal (70%)

Murid memperoleh pengalaman muzikal menerusi aktiviti nyanyian,
 gerakan dan permainan alat muzik.

2. Modul Penghasilan Muzik (20%)

Murid menzahirkan idea kreatif melalui aktiviti muzikal yang dialami
 semasa pengajaran dan pembelajaran.

3. Modul Apresiasi Muzik (10%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbpsi
 Murid menghayati dan menghargai pelbagai jenis muzik menerusi
 pendedahan muzik daripada pelbagai budaya.

Susunan modul kurikulum ini juga bertujuan untuk memudahkan kandungan
 kurikulum diorganisasikan. Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 3
 dinyatakan dalam dua lajur utama iaitu Standard Kandungan dan Standard
 Pembelajaran. Lajur Standard Kandungan mengandungi ilmu pengetahuan yang
 perlu dipelajari oleh murid manakala lajur bagi Standard Pembelajaran pula
 menunjukkan kemahiran yang perlu dikuasai murid bagi satu tahun persekolahan.

Dunia Muzik Tahun 3 diajar dengan pendekatan bertema yang menitik

beratkan elemen-elemen kreativiti. Tema bagi tahun tiga adalah ‘Alunan Muzikku’.



Tema ini dirancang sebagai asas dan pendedahan awal kepada murid untuk mengenali dan menguasai kemahiran muzikal di samping pendedahan literasi muzikal melalui simbol dan ikon. Pada tahap ini, murid akan diperkenalkan dengan permainan alat muzik rekoder untuk memperkaya kemahiran muzik mereka menguasai alat muzik berpic.






Foto 1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi Muka hadapan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik KSSR Tahun 3




Foto 2

Terbitan dan tahun terbitan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik KSSR






Foto 3



ALUNAN MUZIKKU
Unit 8

Fokus

Rekoder

- penjarian not B
- perlidahan
- embouchure

Bahan Bantu Belajar

CD 1

Track 11 Chant Kenali Rekoder (Vokal)
 Track 12 Chant Kenali Rekoder (Instrumental)

CD 2

Track 27-32 Audio alat muzik tiupan
 Track 33-35 Latihan perlidahan dan penjarian not B

Standard Kandungan

Pengalaman Muzikal

1.4 Memainkan rekoder secara ensemble.

Apresiasi Muzik

3.1 Menghayati muzik daripada pelbagai repertoire.

- Muzik popular
- Muzik Tradisional Malaysia
- Muzik Klasik Barat
- Muzik Asia

Pentaksiran

Rujuk Standard Prestasi Lembaga Peperiksaan

Standard Pembelajaran

1.4.1 Mengenal rekoder.

- bahagian rekoder
- cara menjaga rekoder
- cara memegang rekoder

1.4.2 Memainkan not B, A, dan G dengan ton yang baik.

- not
- penjarian not B, A dan G
- pernafasan
- perlidahan (dengan sebutan 'tu')
- embouchure
- postur

3.1.1 Mengenal pasti jenis alat muzik daripada muzik yang didengar.

- alat muzik bertali
- perkusi
- alat muzik tiupan

Cadangan Aktiviti

1. Mendengar rakaman bunyi alat muzik tiupan seperti bassoon, trompet, oboe, dan trombon sambil melihat gambar alat muzik yang dipaparkan. (Unit 8: Lampiran 16, CD 2 track 27 hingga 32)
2. Mengenal dan menamakan alat muzik yang dilihat atau didengar. (Unit 8: Lampiran 16)
3. Membaca Chant Kenali Rekoder mengikut skor. (CD 1 track 11 dan 12)
4. Mengenal bahagian rekoder, embouchure serta cara memegang, penjarian dan memainkannya. (Unit 8: Lampiran 17 dan 18)
5. Mengenal pasti penjarian not B. (Unit 8: Lampiran 19)
6. Latihan perlidahan bagi penjarian not B. (Unit 8: Lampiran 20, CD 2 track 33 hingga 35)
7. Latihan. (Unit 8: Lampiran 21)

TIPS UNTUK GURU

Elemen TMK dan kreativiti

1. Melayari internet untuk mengenal pasti pelbagai jenis alat muzik tiupan.
2. Meneroka pelbagai ton bunyi dengan rekoder.

28

Foto 4



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.2 Permasalahan Kajian

Penempatan guru opsyen muzik di sekolah-sekolah rendah masih tidak mencukupi.

Kekurangan ini menyebabkan guru bukan opsyen terpaksa mengajar mata pelajaran Dunia Muzik. Ini menjadi masalah terhadap keberkesanan proses pengajaran muzik khasnya kerana guru bukan opsyen tidak mempunyai kemahiran muzikal dari segi teori dan praktikal. Oleh itu, BPPK telah menyediakan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik bagi membantu guru-guru bukan opsyen melaksanakan proses pengajaran di dalam kelas. Permasalahannya adalah modul yang disediakan sesuai atau tidak digunakan oleh guru bukan opsyen untuk membantu mereka membuat rujukan serta menjalankan pengajaran Dunia Muzik Tahun 3 di bawah unit pembelajaran rekoder dengan lebih berkesan dan efektif.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau keberkesanan penggunaan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik oleh guru bukan opsyen dalam proses pengajaran rekoder Tahun 3.

1.4 Objektif Kajian

Secara spesifiknya, objektif kajian ini adalah seperti berikut :

1. Meninjau kesesuaian reka bentuk pembinaan kandungan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 3 di bawah unit pembelajaran rekoder dalam membantu guru bukan opsyen mendapatkan sumber rujukan di dalam proses pengajaran rekoder Tahun 3 di Sekolah Kebangsaan Sultan Idris II dengan berkesan.
2. Menilai kebolehgunaan Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Tahun 3 di bawah unit pembelajaran rekoder terhadap pengetahuan, kemahiran dan amalan guru.

1.5 Persoalan kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan tentang perkara-perkara berikut :

1. Sejauh manakah reka bentuk item di dalam pembinaan modul ini dapat membantu guru bukan opsyen mendapatkan rujukan dan seterusnya melaksanakan pengajaran permainan rekoder Tahun 3 dengan lebih berkesan?
2. Bagaimanakah modul ini dapat membantu guru bukan opsyen dalam menguasai aspek kefahaman dan kemahiran muzikal serta amalan guru dalam perancangan aktiviti dalam langkah pengajaran?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan dan mempunyai beberapa kepentingan tertentu. Hasil dapatan kajian ini dapat meninjau sejauh manakah Modul Panduan Pengajaran Dunia Muzik Tahun 3 di bawah unit pembelajaran rekoder bersesuaian dengan kemahiran guru bukan opsyen mengaplikasikannya di dalam proses pengajaran. Selain itu, diharapkan dapatan kajian ini dapat membantu Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Kurikulum (BPPK) untuk menambahbaik modul yang sedia ada. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak yang berkaitan seperti Unit Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP), Sektor Pengurusan Akademik di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mahupun Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dalam menganjurkan kursus-kursus berkaitan Kurikulum Dunia Muzik khasnya bagi guru-guru bukan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

opsyen dalam membantu mereka menginterpretasi modul pengajaran.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan dua orang guru bukan opsyen muzik yang mengajar Dunia Muzik Tahun 3. Mereka adalah guru opsyen Pendidikan Jasmani dan Matematik di Sekolah Kebangsaan Sultan Idris II Kuala Kangsar, Perak. Bagaimanapun, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kerana skop kajian hanyalah tertumpu kepada guru bukan opsyen Tahun 3 di Sekolah Kebangsaan Sultan Idris II sahaja dan tidak melibatkan guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Dunia Muzik Tahun 3 di sekolah yang lain.

1.8 Terminologi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun

Di dalam kajian ini terdapat beberapa penggunaan istilah penting yang memerlukan kepada penjelasan terhadap definisinya.

Antaranya ialah ;

1.8.1 Irama

Taburan not dan tanda rehat dalam konteks tempo dan penekanan.

Corak atau pola irama ialah kedudukan dan susunan ritma di dalam sesuatu gubahan muzik dan dalam elemen irama terdapat faktor berkaitan seperti detik, tekanan dan tempo. Irama terbentuk daripada sesuatu susunan bunyi.

1.8.2 Melodi

Satu gerakan linear bunyi (pic) yang berturutan dan keadaan senyap



05-4506832



yang bergerak menerusi massa. Setiap melodi adalah kombinasi pic

1.8.3 Pic

Tinggi atau rendah sesuatu bunyi berasaskan kepada bilangan getaran per saat.

1.8.4 Dinamik

Aras kekuatan dan kelembutan bunyi.

1.8.5 Tekstur

Bilangan lapisan bunyi yang didengari pada satu masa seperti suara yang tebal dan bunyi yang nipis.

1.8.6 Modul

Sumber bahan pengajaran dan pembelajaran secara bercetak atau tidak bercetak bagi membantu dan memudahkan proses pengajaran

1.8.7 Guru bukan opsyen

Guru yang tidak mempunyai kelayakan sijil atau major dalam mata pelajaran yang diajar.

1.8.8 Proses pengajaran

Aktiviti yang memerlukan penguasaan beberapa kaedah dan teknik kemahiran untuk mengajar secara berkesan dan bermakna.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincang dan memperjelaskan berkaitan dengan latar belakang masalah, permasalahan, objektif, persoalan, kepentingan dan batasan kajian. Fokus utama kajian ini adalah kesesuaian penggunaan Modul Panduan Pengajaran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Sultan Idris II Kuala Kangsar, Perak.

Kajian ini melibatkan dua orang guru bukan opsyen yang mengajar Dunia Muzik

Tahun 3 di sekolah tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi